



Utusan Malaysia - Ekonomi Malaysia 2016 Berkembang 6.3 Peratus

🕒 Jumaat, Jul 28 2017



Ekonomi Malaysia 2016 berkembang 6.3 peratus

KUALA LUMPUR 27 Julai - Ekonomi Malaysia meningkat pada 2016 apabila nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada harga semasa terus berkembang dengan mencatatkan nilai sebanyak RM1,230.1 bilion dan meningkat 6.3 peratus.

Menurut Jabatan Perangkaan, pengembangan KDNK itu didorong oleh peningkatan prestasi semua komponen pendapatan diterajui oleh Lebihan Kendalian Kasar (LKK) yang mencatatkan RM732.3 bilion.

Jelasnya, pampasan pekerja (PP) mencapai nilai RM433.7 bilion. Cukai tolak subsidi ke atas pengeluaran dan import kukuh pada RM64.2 bilion.

“Sumbangan PP kepada ekonomi Malaysia berkembang kepada 35.3 peratus dan meningkat kepada 7.7 peratus (2015: 6.2 peratus) yang mana sebahagian besar didorong oleh perkhidmatan dan


pembuatan.

“Cukai tolak subsidi ke atas pengeluaran dan import telah membentuk 5.2 peratus daripada keseluruhan pendapatan dan mencatatkan pertumbuhan dua digit 13.5 peratus (2015: 71.1 peratus),” jelas jabatan itu dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut Jabatan Perangkaan, perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada jumlah PP dengan sumbangan 60.7 peratus diikuti pembuatan berjumlah 22.8 peratus pada 2016. Pembinaan pula berkembang kepada 10.1 peratus berbanding 9.9 peratus pada tahun sebelumnya.

Selain itu, pertanian, perlombongan dan pengkuarian masing-masing mencatatkan sumbangan 4.7 peratus dan 1.7 peratus.

“PP berkembang kepada 7.7 peratus sebahagian besarnya di-



pacu oleh perkhidmatan yang mengukuh kepada 7.7 peratus. Momentum perkhidmatan lain (termasuk perkhidmatan kerajaan) yang meningkat kepada 6.5 peratus menerajui perkhidmatan,” jelas jabatan itu.

Tambah Jabatan Perangkaan, prestasi PP bagi pembuatan merekodkan 6.2 peratus disokong oleh produk elektrik, elektronik dan optikal dengan mencatatkan pertumbuhan 7.6 peratus.

Pembinaan pula jelasnya, terus mencatatkan pertumbuhan dua digit bagi enam tahun berturut-turut dengan mencatatkan 10.1 peratus pada 2016. Pertanian pulih kepada 9.9 peratus daripada negatif 0.2 peratus tahun lepas disebabkan oleh pemulihan dalam semua segmen. Selain itu, perlombongan dan pengkuarian melonjak kepada 5.7 peratus berbanding 0.8 peratus pada tahun sebelumnya.

“Sebagai penyumbang terbesar kepada ekonomi, perkhidmatan menyumbang 52 peratus kepada jumlah LKK pada 2016 diikuti oleh pembuatan pada 22.1 peratus,” jelasnya.

Perlombongan, pengkuarian dan pertanian masing-masing menyumbang 13.1 peratus dan 11.1 peratus. Sementara itu, pembinaan mencatatkan sumbangan 1.7 peratus. Memandangkan LKK menjadi penyumbang terbesar

kepada KDNK, pertumbuhan komponen ini adalah selari dengan prestasi ekonomi.

Pada 2016, LKK berkembang kepada 4.8 peratus berbanding 0.6 peratus pada tahun sebelumnya. Perkhidmatan mengukuh kepada 6.3 peratus didorong oleh perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman dan penginapan, manakala pertanian pulih kepada 8.9 peratus berikutan pertumbuhan positif dalam semua segmen.

“Momentum LKK dalam pembuatan meningkat 2.8 peratus disokong sebahagian besarnya oleh produk elektrik, elektronik dan optikal yang tumbuh pada 9.1 peratus. Selain itu, perlombongan dan pengkuarian pulih kepada 0.4 peratus, manakala pembinaan mencatatkan pertumbuhan 0.1 peratus disokong oleh prestasi kejuruteraan awam dan aktiviti kediaman,” jelasnya. - BERNAMA

**Pekeliling
Perbendaharaan**

Perkhidmatan MOF

[Perkhidmatan Atas Talian](#)[Aplikasi Mudah Alih](#)[Laman Mikro](#)[e-Penyertaan & Maklumbalas](#)[Statistik & Prestasi](#)[Pautan](#)[Agensi](#)

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: 12 Februari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216